

23/05/2000

Hasutan: Pencetak Harakah didenda RM4,000

KUALA LUMPUR, Isnin - Pencetak lidah rasmi Pas, Harakah, Chea Lim Thye, hari ini didenda RM4,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini selepas mengaku salah atas tuduhan mencetak artikel berbentuk hasutan dalam akhbar itu, Ogos tahun lalu.

Hakim Khatijah Idris turut memerintahkan Chea dipenjarakan dua bulan sekiranya gagal menjelaskan denda itu. Bagaimanapun, Chea yang diwakili peguam Wong Kian Kheong membayar dendanya.

Khatijah pada 29 Februari lalu menetapkan hari ini bagi perbicaraan kes terhadap Chea serta pengarang Harakah, Zulkifli Sulong.

Bagaimanapun, Chea memilih untuk menukar pengakuannya hari ini manakala Zulkifli, yang tetap tidak mengaku salah, akan mula dibicarakan pada Khamis ini berikutan representasi yang dibuat kepada Peguam Negara berhubung tuduhan terhadapnya.

Ketika membuat rayuan bagi meringankan hukuman Chea, Wong meminta mahkamah mengenakan jaminan atau denda saja terhadap anak guamnya, tanpa dihukum penjara.

Wong berkata anak guamnya tidak terbabit secara langsung dalam penulisan atau penerbitan kata-kata hasutan itu sebaliknya dia hanya mencetaknya.

Katanya, anak guamnya tidak berpendidikan tinggi dan tidak mampu menyemak artikel itu ketika ia dicetak malah pencetakan sendiri dilakukan oleh buruh yang juga buta huruf.

Selain itu, katanya, Chea yang masih menanggung dua anaknya, turut menghadapi enam tuntutan sivil yang mungkin menyebabkannya diisytiharkan muflis, serta mengalami tekanan mental berikutan liputan meluas yang diberikan dalam kes itu.

"Anak guam saya mencari nafkah sebagai seorang pencetak dan pada usia tua ini tidak banyak peluang pekerjaan untuknya. Dia hanya mempunyai lesen untuk mencetak," katanya.

Penolong Pendakwara Abdul Rahman Mohd Redza pula menyerahkan hukuman terhadap Chea kepada budi bicara mahkamah.

Chea, 62, dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Petaling Jaya pada 13 Januari lalu atas tuduhan mencetak artikel bertajuk 'Liputan Pengakuan Sukma Hina dan Jahat - Dr Chandra' yang disiarkan oleh Harakah, di halaman 40 keluaran 2 Ogos lalu.

Perenggan yang disebut dalam tuduhan itu berbunyi: "Adalah memalukan bahawa elemen-elemen di dalam pasukan polis, Pejabat Peguam Negara, mahkamah dan media bersedia diperalatkan dalam konspirasi yang terbesar yang dirancang oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan konco-konconya, ujar beliau." Dr Chandra Muzaffar adalah Timbalan Presiden Parti Keadilan Nasional. Chea didakwa melakukan kesalahan itu pada atau 2 Ogos lalu di Lot 9, Jalan 51A/243 Petaling Jaya. Kesnya kemudian dipindahkan ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada 23 Februari lalu untuk dibicarakan bersama Zulkifli.

Zulkifli, 37, pula didakwa di Mahkamah Sesyen di sini pada tarikh yang sama kerana menerbitkan artikel berkenaan di 28A, Jalan Pahang Barat off Jalan Pahang di sini pada atau 2 Ogos lalu. Dia diwakili peguam Zamani Ibrahim.

Chea dan Zulkifli didakwa mengikut Seksyen 4(1)(c) Akta Hasutan 1948 (Akta 15) yang membawa hukuman denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun bagi kesalahan pertama.

Sementara itu, Abdul Rahman memaklumkan mahkamah bahawa pihaknya

bercadang memanggil Chea sebagai salah seorang saksi pendakwaan dalam kes terhadap Zulkifli.

(END)